

02/08/2003

Pintu rundingan tutup: PM (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Semua pintu rundingan berhubung penetapan harga air yang dijual Malaysia kepada Singapura sudah tertutup dan isu itu perlu diselesaikan menerusi proses timbang tara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri juga menegaskan, Malaysia tidak akan meminta Singapura menyertai projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) yang membabitkan pembinaan jambatan darat bagi menggantikan Tambak Johor menghubungkan kedua-dua negara.

Bagaimanapun, katanya, langkah Kerajaan Pusat mengambil alih pengurusan bekalan air di negeri-negeri tidak memberi sebarang kesan dari segi bekalan air Malaysia ke republik itu.

Beliau berkata, Malaysia perlu melangkah ke depan kerana menyedari bahawa kaedah rundingan bagi menyelesaikan pelbagai isu dengan republik itu termasuk penetapan harga air dan pembinaan projek GSB hanya membazirkan masa.

"Saya berpendapat semangat untuk bercakap dan berunding sudah berakhir. Kita mahu diadakan arbitrasi (timbang tara) seperti diperuntukkan dalam perjanjian (air) di mana jika ada pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan, kita akan menggunakan kaedah arbitrasi," katanya.

Dr Mahathir menegaskan demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara kerajaan dengan Gerbang Perdana Sdn Berhad (GPSB), pemaju utama projek itu di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Tan Sri Zaini Omar dan Timbalan Ketua Pengarah II, Datuk Ng Chong Yuen mewakili kerajaan, manakala GPSB diwakili pengerusinya, Tan Sri Razali Ismail dan Pengarah Urusan, Datuk Yahya A Jalil.

Beliau ditanya mengenai langkah Malaysia seterusnya selepas penerbitan buku dan iklan serta jawapan Singapura, juga menerusi iklan dalam mempertahankan hujah masing-masing mengenai isu penetapan harga air.

Mac lalu, Kerajaan Singapura menerbitkan buku berhubung isu air bagi menegakkan benang basah bahawa republik itu tidak bersalah sehingga menyebabkan kebuntuan rundingan dengan Malaysia.

Malaysia bulan lalu menerbitkan iklan serta buku bagi menjelaskan kedudukan sebenar isu itu termasuk kos dan kerugian yang ditanggung negara berikutan penjualan air pada kadar tiga sen bagi setiap 1,000 gelen kepada republik itu.

Singapura sebelum itu bertegas bahawa Malaysia tiada hak untuk mengkaji semula harga air dengan alasan negara ini gagal berbuat demikian pada 1986 dan 1987, tepat 25 tahun selepas dua perjanjian air ditandatangani iaitu pada 1961 dan 1962.

Bagaimanapun, Fasal 17 Perjanjian Air 1961 dan Fasal 14 Perjanjian Air 1962 menyatakan bahawa harga air "adalah tertakluk kepada kajian semula selepas tamat tempoh 25 tahun."

Malaysia berpegang bahawa ia masih berhak berbuat demikian kerana 25 tahun selepas 1961 dan 1962 bermakna bila-bila masa saja selepas 1986 dan 1987, dan tidak semestinya dilakukan pada 1986 dan 1987.

Perdana Menteri berkata, sejak Malaysia dan Singapura menyiarkan iklan itu, belum ada sebarang komunikasi antara kedua-dua pihak.

Mengenai pembabitan Singapura dalam projek GSB, Dr Mahathir berkata sebarang usaha membabitkan republik itu dalam projek berkenaan akan hanya melambatkan proses pembangunan projek.

"Sekarang ini saya rasa kita tidak mahu mereka (Singapura) terbabit dalam projek itu," katanya.

Projek GSB berharga RM1.1 bilion yang terletak di Bukit Chagar, Johor Bahru itu meliputi kawasan seluas 42.6 hektar. Ia akan mempunyai Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Terminal JB Sentral, jambatan darat, jambatan kereta api dan jalan dalaman.

Jambatan darat sepanjang 1.45 kilometer akan mempunyai jalan empat lorong bagi kedua-dua hala untuk kegunaan kenderaan ringan dan berat. Satu ruang selebar 75 meter dan setinggi 25 meter juga disediakan bagi membolehkan kapal melaluinya.

Laluan kereta api sepanjang 700 meter mempunyai sebuah jambatan bergerak sepanjang 150 meter yang akan membolehkan kapal melaluinya. Ia juga menyediakan perkhidmatan laluan kereta api ke Singapura dan sebaliknya.

Dr Mahathir berkata, jambatan yang akan dibina itu asalnya lurus tetapi kini jadi lengkok setelah "pihak satu lagi" tidak bersetuju dengan cadangan menggantikan tambak itu.

"Daripada melalui perbincangan yang mungkin berlarutan seperti berlaku dalam isu air antara Singapura dan Malaysia, kerajaan memilih untuk memulakan juga projek itu dengan meminda reka bentuk jambatan berkenaan.

"Jadi kita kena reka satu jambatan yang nampak pelik sikitlah. Kalau tidak, ia tidak cukup tinggi atau sendeng. Kalau terlalu curam, lori tak boleh naik. Jadi kita kena buat jambatan yang berlengkok.

"Demikianlah nasib kita. Kita tidak dapat kerjasama daripada orang lain, jadi kita kena terima cara kita untuk menyelesaikan masalah ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, melalui projek GSB itu, air Selat Tebrau dapat mengalir dan ia baik untuk alam sekitar selain membolehkan kapal melaluinya termasuk yang membawa kargo dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Katanya, kecuali dua pemetung kecil di bahagian bawahnya, Tambak Johor kini tertutup sepenuhnya, kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata, kerajaan mempunyai dana yang cukup untuk membiayai projek itu dan tidak akan membuat pinjaman dari luar. "Namun, bon tempatan akan diterbitkan jika perlu," katanya.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata, apabila GSB siap pada Disember 2005, beliau akan berusia lebih 80 tahun dan mungkin memerlukan tongkat ketika itu.

"Apa yang saya ada hanya tongkat. Jika saya tidak boleh guna tongkat untuk berjalan, saya boleh gunakannya ke atas mereka yang melewatkan projek ini," katanya.

Ditanya sama ada langkah Kerajaan Pusat berhubung pengambilalihan pengurusan bekalan air negeri memberi kesan dalam bekalan air kepada Singapura, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus membekalkan air mentah kepada republik itu seperti yang termeterai dalam perjanjian antara kedua-dua negara sebelum ini.

"Kita bagi janji dan kita akan tunaikan janji," katanya.

Menjawab satu soalan lain, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, yakin Malaysia mampu mencatat kadar pertumbuhan ekonomi 4.5 peratus bagi keseluruhan 2003 seperti yang disasarkan sebelum ini.

Katanya, unjuran pertumbuhan Keluaran Negara Dalam Kasar (KDNK) tahun ini mampu dicapai jika tiada kejadian di luar jangkaan seperti peperangan atau serangan penyakit baru.

Setakat ini, katanya, pertumbuhan ekonomi suku kedua 2003 dijangka lebih baik berbanding suku pertama walaupun negara mengalami kesan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) serta peperangan Iraq.

"Saya berpendapat (angka pertumbuhan bagi) suku kedua akan lebih baik walaupun mungkin tidak sebaik seperti unjuran ketika kita membentangkan bajet 2003. Tapi ketika itu, kita tidak menjangkakan SARS walaupun

mengambil kira kemungkinan berlaku peperangan di Iraq," katanya.